

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 1997/98

Februari 1998

AAW312 - PERAKAUNAN KEWANGAN PERTENGAHAN 1

Masa: [3 jam]

---

**ARAHAN**

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **SEBELAS (11)** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab **LIMA (5)** soalan. Soalan-soalan di Bahagian A adalah **WAJIB** dan pilih **SATU (1)** soalan dari Bahagian B.

Bahagian A (WAJIB)

1. Soros Berhad telah memajak sebuah mesin dari UOL Berhad mulai 1 Julai 1997. Syarat pajakan ialah Soros Berhad akan membuat 3 bayaran tahunan kepada UOL Berhad sebanyak RM30,000 setiap bayaran. Bayaran pertama telah dibuat pada 1.7.1997. UOL Berhad boleh membeli mesin secara tunai dengan harga RM74,746 dan kos kepada UOL Berhad ialah RM74,746 juga. Kadar faedah implisit pajakan ialah 15%. Setiap syarikat menyediakan akaun sehingga 30 Jun setiap tahun.

Dikehendaki:

- (a) Terangkan perbezaan di antara pajakan kewangan dan pajakan operasi. Nyatakan jenis pajakan di atas (lihat soalan 1) dan terangkan alasan anda.
- (b) Andaikan pajakan berdasarkan soalan (1) di atas ialah pajakan kewangan. Sediakan penyata akaun untung rugi dan kunci kira-kira Soros Berhad (penyewa) sejauh mana maklumat membenarkan. Bagi tujuan pengiraan, faedah harus dibahagikan.

...2/-

- (c) Tunjukkan kesan ke atas akaun Soros Berhad jika kaedah berikut telah digunakan dan bukan bayaran pajakan di antara modal dan faedah:
- (i) kaedah jumlah angka tahun.
  - (ii) kaedah garis lurus.

Jawapan anda harus mengikut keperluan Piawai Perakaunan Antarabangsa No. 17 (Perakaunan bagi Pajakan).

[20 markah]

2. X, Y dan Z adalah pekongsi di dalam sebuah perniagaan perkongsian. Pengagihan untung dan rugi kepada X, Y dan Z secara  $\frac{1}{2}$ ,  $\frac{1}{3}$  dan  $\frac{1}{6}$  masing-masing. Kedudukan mereka pada tarikh pembubaran adalah seperti berikut:

X, Y dan Z		
Kunci kira-kira		
seperti pada 30 Jun 1997		
		RM
Aset:		
Akaun belum terima		16,000
Inventori		24,000
Loji dan mesin		16,000
		<u>56,000</u>
Jumlah aset		
Liabiliti:		
Akaun belum bayar		4,000
		<u>52,000</u>
Aset bersih		=====
Ekuiti pemilik:		
Modal X	32,000	
Modal Y	24,000	
Modal Z	-4,000	
	<u>52,000</u>	
		=====

...3/-

Aset berikut telah dijual dan direalis:

- (i) Inventori dengan harga RM19,200; loji dan mesin dengan harga RM13,600 dan akaun belum terima telah realis RM14,400.
- (ii) Belanja realisasi ialah RM1,000.
- (ii) Akaun belum bayar telah dibayar akaun mereka selepas ditolak 5% diskaun. Z tidak mampu menyumbangkan sebarang wang.

Sediakan:

- (a) catatan jurnal; dan
- (b) akaun lejar bagi pembubaran perkongsian.

[10 markah]

3. Berikut ialah penyata kewangan dengan nota kepada akaun Diana Berhad.

Akaun Untung dan Rugi  
bagi tahun berakhir 31 Mac 1997

	RM juta
Jualan	1,162
Kos jualan	(866)
Untung kasar	296
Kos agihan	(47)
Belanja pentadbiran	(110)
Untung operasi	139
Faedah diterima	79
Faedah dibayar	(55)
Untung sebelum cukai	163
Cukai	24
Untung selepas cukai	139
Dividen	(24)
Untung tertahan bagi tahun kewangan	90
	=====

...4/-

Diana Berhad  
Kunci kira-kira seperti pada 31 Mac 1997

31.3.96 RM'000		RM juta
	<b>Aset tetap</b>	
234	Aset tak ketara	277
600	Aset ketara	1,023
68	Pelaburan	69
902		1,369
	<b>Aset semasa</b>	
128	Inventori	246
353	Akaun belum terima	460
20	Pelaburan	-
124	Tunai dalam bank & dalam tangan	250
625		956
==		===
	<b>Liabiliti semasa</b>	
185	Pinjaman bank dan overdraf	388
311	Akaun belum bayar	244
25	Cukai	42
22	Dividen dicadangkan	49
543		723
82	Aset semasa bersih	233
984	Jumlah aset tolak liabiliti semasa	1,602
555	Debentur	756
2	Cukai tertunda	3
427		843
==		===
	<b>Modal dan rizab</b>	
24	Saham biasa	29
377	Premium saham	477
-	Rizab penilaian semula	251
26	Perolehan tertahan	116
427		843
==		===

...5/-

Nota kepada akaun:

- (i) Debentur telah diterbitkan pada premium 5%. Premium telah dikredit kepada akaun untung dan rugi.
- (ii) Untung operasi ialah selepas dicaj susutnilai ke atas aset tetap ketara sebanyak RM22 juta dan pelunasan atas aset tak ketara sebanyak RM7 juta.
- (iii) Jualan pelaburan jangka pendek telah realis RM25 juta.
- (iv) Sepanjang tahun berakhir 31 Mac 1997, nilai loji dan mesin yang mempunyai kos RM1,464 juta telah turun nilainya kepada RM244 juta pada 31 Mac 1996, telah dijual dengan harga RM250 juta.
- (v) Sepanjang tahun berakhir 31 Mac 1997, 25 juta 20 sen saham telah diterbitkan pada premium RM2.80 sesaham.

Dikehendaki:

- (a) Sediakan Penyata Aliran Tunai Diana Berhad bagi tahun berakhir 31 Mac 1997 mengikut Piawai Perakaunan Antarabangsa No. 7 (Penyata Aliran Tunai) dengan menggunakan kaedah langsung.

Di dalam jawapan anda, sediakan nota kepada penyata aliran tunai berhubung dengan:

- (1) Penyesuaian untung operasi kepada aliran tunai masuk dari aktiviti operasi.
  - (2) Analisis baki tunai dan setara tunai seperti yang ditunjukkan di kunci kira-kira.
- (b) Terangkan penyelesaian (secara teori sahaja dan pengiraan tidak perlu) caj susutnilai dan dividen dibayar.
  - (c) Berikan pendapat anda berhubung dengan kegunaan penyata yang telah disediakan di bahagian (a) di atas.

[25 markah]

- 4. (a) Piawai Perakaunan Antarabangsa No. 25 "Perakaunan Bagi Pelaburan" membenarkan pelaburan dikelaskan sebagai aset semasa pada nilai terendah di antara kos dan nilai pasaran. Bagaimanakah amaun angkut pelaburan ini akan ditentukan?

...6/-

AAW312

- (b) Pelaburan jangka panjang kadangkala dipindahkan kepada pelaburan semasa. Apakah nilai yang harus dipindahkan?
- (c) Pelaburan jangka panjang kadangkala dicatat pada amaun dinilai semula.

Senaraikan butiran yang perlu dinyatakan di dalam nota kepada akaun berhubung dengan butiran yang dinyatakan di 4(c) di atas.

- (d) Bilis Sdn Bhd mempunyai pelaburan berikut pada 1 Januari 1997:

	Pelaburan <u>jangka panjang</u> RM'000	Pelaburan <u>jangka pendek</u> RM'000
Disenaraikan pada kos	48,800	3,240
Tak disenaraikan pada kos	29,000	-

Sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Disember, 1997, urusanniaga berikut telah berlaku:

- (i) Pelaburan jangka panjang tak disenaraikan telah mengalami penurunan nilai kekal sebanyak RM 7.2 juta akibat kemerosotan ekonomi berhubung dengan krisis matawang di Malaysia.
- (ii) Pelaburan jangka pendek disenaraikan telah dijual dengan harga RM3.0 juta (termasuk yuran broker sebanyak RM0.18 juta).
- (iii) Pelaburan jangka panjang disenaraikan telah mengalami penukaran saham ("share swap") dan telah ditukar dengan saham baru Suzi Berhad. Suzi Berhad disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur. Nilai saksama saham baru ialah RM60 juta. Pengarah Bilis berhad telah memutuskan untuk mengelaskan semula pelaburan di dalam Suzi Berhad sebagai jangka pendek.

Dikehendaki:

Kirakan dan terangkan penyelesaian perakaunan bagi setiap urusanniaga (i) - (iii) di atas.

[25 markah]

...7/-

Bahagian B

Jawab **SATU (1)** soalan sahaja.

5. MMC Pembinaan Berhad telah mendapat kontrak untuk membina sebuah bangunan. Maklumat berikut adalah berhubung dengan kontrak tersebut:

Tarikh permulaan kontrak:	1 Julai, 1997
Tarikh dijangka siap:	31 Mac 1999
Harga kontrak:	RM25 juta
Kos terlibat sehingga 30 Jun 1998	
Buruh	RM'000 2,345
Bahan	5,648
Overhed	1,097
Loji dan peralatan, pada kos	5,750

Anda telah mendapat maklumat tambahan seperti berikut:

- (i) Inventori bahan di dalam tangan pada 30 Jun 1998 dianggarkan RM550,000.
- (ii) Terdapat basal penalti bagi penyiapan lewat (iaitu penyiapan selepas tarikh jangkaan) pada kadar RM200,000 setiap bulan. Kontraktor menjangka bahawa kerja akan siap selewat-lewatnya pada 30 Jun 1999.
- (iii) Kos tambahan (tidak termasuk penalti lewat siap tetapi termasuk inventori bahan pada 30 Jun 1998) untuk menyiapkan kontrak dijangka berjumlah RM6.5 juta.
- (iv) Pada akhir kontrak, loji dan peralatan dijangka mempunyai nilai buku sebanyak RM1.5 juta.
- (v) Pada 30 Jun 1998, akitek telah memperakui bahawa 50% kerja telah siap dengan memuaskan. Bayaran telah diterima oleh MMC Pembinaan Berhad.
- (vi) Pada 30 Jun 1998, kerja bernilai RM2.2 juta telah siap tetapi tidak dimasukkan di dalam perakuan akitek.
- (viii) Syarikat telah mengiktiraf untung berdasarkan kaedah peratusan lengkap.

Dikehendaki:

- (a) (1) Sediakan akaun bagi kontrak di dalam buku MMC Pembinaan Berhad.
- (2) Kirakan untung bagi tahun berakhir 30 Jun 1998.

...8/-

AAW312

- (b) Sediakan nota kepada akaun yang bersama-sama dilampirkan. Nota kepada akaun tentang polisi perakaunan tidak perlu disediakan.

[20 markah]

6. (a) Jelaskan bagaimana hasil harus diiktiraf di dalam setiap kes berikut bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 1997:

- (i) Jualan tiket bagi pertunjukkan pentas bermula pada pertengahan Jun 1997 bagi pertunjukkan yang akan berlangsung pada 15 Julai 1997. Vanessa Arts, pengasas konsert berjaya menjual tiket bernilai RM0.5 juta pada 30 Jun 1997. Jika semua tiket berjaya dijual, jumlah kutipan yang diandaikan ialah RM0.75 juta.
- (ii) Reka Berhad telah memulakan projek kondominium pada 1 Januari, 1997 dan telah mengutip deposit 10% atas tempahan dan 10% lagi apabila menandatangani perjanjian jualan dan belian 3 bulan kemudian. Kerja tapak (piling work) atas project telah siap dijalankan pada bulan 1997 Jun di mana 20% harus dibayar. Ke atas kerja yang telah dijalankan, syarikat telah berjaya menjual semua unit kondominium dan jangka hasil kasar dari projek ialah sebanyak RM25 juta.

[6 markah]

- (b) Tuliskan nota ringkas berhubung dengan perkara di bawah ini. Anda dikehendaki memilih **7 PERKARA** sahaja:

- (i) Kaedah retroaktif (tentang perubahan polisi perakaunan di Piawai Perakaunan Antarabangsa No. 8).
- (ii) Hukum Garner lawan Murray.
- (iii) Pajak jualan dan pajak balik.
- (iv) Kaedah kontrak lengkap.
- (v) Anticair.

...9/-



- (vi) Kaedah langsung di dalam penyata aliran tunai.
- (vii) Realisasi satu per satu.
- (viii) Pendekatan diskrit dan pendekatan integrasi (bagi pelaporan interim).
- (ix) Kaedah faedah berkesan (bagi pajakan).
- (x) Kadar implisit (bagi pajakan).

[14 markah]

7. Kru Berhad sedang menyediakan laporan segmen untuk dilampirkan ke dalam penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 1997. Angka-angka berikut adalah berkaitan dengan Kru Berhad dan anak syarikatnya:

	1997 RM'000
Jualan kepada pelanggan luaran kumpulan oleh segmen kertas	11,759
Jualan kepada pelanggan luaran kumpulan oleh syarikat Malaysia	28,200
Jualan bukan dari segmen kertas, ubat atau hartanah	3,290
Jualan kepada pelanggan luaran kumpulan oleh segmen ubat	18,390
Aset yang diguna oleh syarikat Malaysia	30,600
Aset yang tidak diagih kepada segmen kertas, ubat atau hartanah	14,856
Aset yang diguna oleh segmen kertas	31,750
Jualan segmen ubat kepada lain-lain syarikat kumpulan Kru Bhd	3,658
Aset yang diguna oleh segmen hartanah	17,775
Aset yang diguna oleh syarikat Malaysia	41,820
Jualan segmen kertas kepada lain syarikat kumpulan Kru Bhd	1,227
Jualan yang tidak diagih kepada Malaysia, Singapura atau lain-lain kawasan	3,290
Jualan kumpulan Kru Bhd kepada lain kawasan	1,481
Belanja yang tak diagih kepada segmen kertas, ubat atau hartanah	4,073
Jualan oleh segmen Singapura kepada syarikat kumpulan Kru Bhd	7,227
Belanja yang tak diagih kepada segmen kertas, ubat & hartanah	5,004
Jualan segmen Singapura kepada pelanggan luaran	2,117
Jualan oleh segmen hartanah kepada lain syarikat kumpulan Kru Bhd	5,200
Jualan segmen Malaysia kepada lain syarikat kumpulan Kru Bhd	2,430
Aset diguna oleh segmen ubat	44,620
Aset diguna oleh kumpulan di lain kawasan	21,660
Aset yang tidak diagih kepada Malaysia, Singapura atau lain kawasan	14,921
Untung sebelum cukai segmen berasaskan industri:	
kertas	2,442
ubat	5,916
hartanah	821

...10/-

AAW312

Untung sebelum cukai segmen (Kumpulan Kru Bhd) digabungkan	8,978
Untung sebelum cukai segmen berasaskan kawasan geografi:	
Malaysia	4,873
Singapura	3,127
Kawasan lain	487
Untung sebelum cukai segmen digabungkan mengikut kawasan geografi	8,047

**Dikehendaki:**

- (a) Sediakan laporan segmen berasaskan industri dan kawasan geografi untuk dilampirkan bersama laporan tahunan Kru Berhad bagi tahun berakhir 31 Disember 1997 untuk memberikan maklumat yang lengkap kepada pemegang saham. Laporan anda harus memenuhi keperluan Piawai Perakaunan Antarabangsa No 14 (Pelaporan Maklumat Kewangan secara Segmen).
- (b) Pada pendapat anda, apakah butiran yang selanjutnya yang diperlukan bagi menolong pembaca data segmen memahami maklumat yang dibentangkan dengan lebih jelas lagi? Gunakan angka dai Kru Berhad sebagai ilustrasi.

[20 markah]

...11/-

Table - Present Value of an Ordinary Annuity of 1

8%	9%	10%	11%	12%	15%	(n) Periods
.92593	.91743	.90909	.90090	.89286	.86957	1
1.78326	1.75911	1.73554	1.71252	1.69005	1.62571	2
2.57710	2.53130	2.48685	2.44371	2.40183	2.28323	3
3.31213	3.23972	3.16986	3.10245	3.03735	3.03735	4
3.99271	3.88965	3.79079	3.69590	3.60478	3.35216	5
4.62288	4.48592	4.35526	4.23054	4.11141	3.78448	6
5.20637	5.03295	4.86842	4.71220	4.56376	4.16042	7
5.74664	5.53482	5.33493	5.14612	4.96764	4.48732	8
6.24689	5.99525	5.75902	5.53705	5.32825	4.77158	9
6.71008	6.41766	6.14457	5.88923	5.65022	5.01877	10
7.13896	6.80519	6.49506	6.20652	5.93770	5.23371	11
7.53608	7.16073	6.81369	6.49236	6.19437	5.42062	12
7.90378	7.48690	7.10336	6.74987	6.42355	5.58315	13
8.24424	7.78615	7.36669	6.98187	6.62817	5.72448	14
8.55948	8.06069	7.60608	7.19087	6.81086	5.84737	15

Table - Present Value of an Annuity Due of 1

8%	9%	10%	11%	12%	15%	(n) Periods
1.00000	1.00000	1.00000	1.00000	1.00000	1.00000	1
1.92593	1.91743	1.90909	1.90090	1.89286	1.86957	2
2.78326	2.75911	2.73554	2.71252	2.69005	2.62571	3
3.57710	3.53130	3.48685	3.44371	3.40183	3.28323	4
4.31213	4.23972	4.16986	4.10245	4.03735	3.85498	5
4.99271	4.88965	4.79079	4.69590	4.60478	4.35216	6
5.62288	5.48592	5.35526	5.23054	5.11141	4.78448	7
6.20637	6.03295	5.86842	5.71220	5.56376	5.16042	8
6.74664	6.53482	6.33493	6.14612	5.96764	5.48732	9
7.24689	6.99525	6.75902	6.53705	6.32825	5.77158	10
7.71008	7.41766	7.14457	6.88923	6.65022	6.01877	11
8.13896	7.80519	7.49506	7.20652	6.93770	6.23371	12
8.53608	8.16073	7.81369	7.49236	7.19437	6.42062	13
8.90378	8.48690	8.10336	7.74987	7.42355	6.58315	14
9.24424	8.78615	8.36669	7.98187	7.62817	6.72448	15

